

USIM salur bantuan kepada sekolah angkat



Mohammed Asin (tengah) menyerahkan sumbangan mesin pencetak kepada Che Azmi.

Gua Musang: Sekolah Kebangsaan (SK) Limau Kasturi 1, di sini, menerima sumbangan pascabanjir bernilai RM20,000 daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Sumbangan disampaikan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) USIM, Prof Datuk Dr Mohammed Asin Dollah kepada Guru Besar SK Limau Kasturi 1, Che Azmi Mohd Nor dalam satu majlis di sekolah itu, baru-baru ini.

Sekolah angkat

SK Limau Kasturi 1 adalah antara 165 sekolah yang terjejas teruk akibat banjir besar yang melanda Kelantan, Disember lalu dan mempunyai 278 murid yang semua keluarga mereka terbabat dengan musibah itu.

Sekolah berkenaan adalah sekolah angkat USIM selain SK Gua Musang, menerima sumbangan peralatan sekolah seperti mesin pencetak, generator dan mesin pam air.

Bantuan seperti beg sekolah, pakaian, buku dan alat tulis turut diberikan kepada murid bagi meringankan beban mereka.

Penyerahan sumbangan itu disambut baik warga sekolah yang turut menghargai kesudian USIM menjadikan sekolah itu sebagai sekolah angkat.

USIM turut merancang untuk mengadakan program psikososial pascabanjir kepada murid sekolah dan keluarga sebagai usaha susulap membantu mereka mendepani cabaran kehidupan selepas banjir.